



11/19/21, 3:33 PM LHDNM Permudahkan Urusan Permohonan & Pembayaran Duti Setem Melalui STAMPS - Majalah Labur


Cukai

## LHDNM Permudahkan Urusan Permohonan & Pembayaran Duti Setem Melalui STAMPS

 Majalah Labur  
2 hours ago




Gambar : [STAMPS LHDNM](#)



Permohonan dan pembayaran duti setem kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) kini boleh dibuat menggunakan Sistem Taksiran dan Pembayaran Duti Setem atau *Stamp Assessment And Payment System* (STAMPS).

Ianya merupakan kaedah secara dalam talian diperkenalkan pada tahun 2012 dan telah melalui beberapa fasa penambahbaikan bagi memperluaskan penggunaannya kepada lebih ramai pengguna. Pada peringkat awal pengenalan STAMPS, penggunaanya hanya terdiri daripada syarikat, firma guaman, perbankan, agensi dan



<https://www.majalahlabur.com/kewangan/cukai/lhdnm-permudahkan-urusan-permohonan-pembayaran-duti-setem-melalui-stamps/> 1/6



STAMPS sebagai kaedah utama penyeteman di LHDNM kini boleh diakses oleh pengguna berdaftar sama ada sebagai ejen atau individu pada bila-bila masa asalkan mempunyai akses kepada internet. Pendaftaran sebagai pengguna STAMPS boleh dibuat secara dalam talian di <https://stamps.hasil.gov.my/stamps/>.

Pendaftaran adalah percuma dan pengguna boleh terus membuat permohonan penyeteman melalui STAMPS sebaik sahaja permohonan pendaftaran ID pengguna diluluskan oleh LHDNM. Pastikan ID pengguna didaftarkan dengan betul sama ada sebagai Ejen STAMPS (Ejen) atau Individu STAMPS (Individu).

## Bagaimana Pengguna Ejen Memanfaatkan Penggunaan STAMPS?

Ejen terbahagi kepada empat kategori utama dimana setiap pemilik ID Ejen boleh melaksanakan semua jenis permohonan penyeteman seperti jadual di bawah:

KATEGORI PENGGUNA EJEN	JENIS PENYETEMAN
1. Firma Guaman 2. Bank 3. Syarikat Insurans 4. Lain-lain: <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Syarikat</li> <li>ii. Perkongsian</li> <li>iii. Perniagaan Milikan Tunggal</li> <li>iv. Agensi Kerajaan/ Jabatan/ Badan Berkanun</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pindah Milik Harta Tanah</li> <li>• Pindah Milik Saham</li> <li>• Pindah Milik Perniagaan</li> <li>• Sekuriti</li> <li>• Sewa/ Pajakan</li> <li>• Penyeteman Am</li> </ul>

Bagi pengguna Ejen, penyeteman melalui STAMPS melibatkan proses secara dalam talian sepenuhnya bermula dari peringkat permohonan sehingga pembayaran duti. Ejen memilih jenis penyeteman mengikut kategori dokumen atau perjanjian dengan mengisi maklumat ke dalam Borang Permohonan Penyeteman Surat Cara yang disediakan dan memuat naik dokumen atau perjanjian yang hendak disetamkan sebelum menghantar permohonan untuk diproses oleh Pejabat Setem LHDNM yang dipilih.

Notis Taksiran akan dikeluarkan selepas taksiran dan endosmen dibuat oleh pegawai LHDNM.



Proses permohonan taksiran duti setem secara dalam talian bagi pengguna Ejen

## Bayaran

Ejen boleh membuat bayaran duti berdasarkan amaun duti setem yang telah dinyatakan dalam Notis Taksiran secara perbankan elektronik melalui kaedah *Bill Payment* untuk pengguna CIMB BizChannel dan Public Bank atau kaedah FPX (Financial Process Exchange).


Ejen boleh mencetak Sijil Setem setelah bayaran berjaya dibuat untuk dikepilkan bersama dokumen atau perjanjian asal sebagai bukti pembayaran duti setem. Ejen dinasihatkan untuk menyemak status permohonan pada paparan utama STAMPS bagi mengetahui tindakan yang telah diambil oleh LHDNM atau yang perlu dilaksanakan oleh ejen.

## Pengguna Individu Masih Perlu Hadir Ke Kaunter LHDNM

Bagi pengguna Individu pula, maklumat dokumen atau perjanjian yang ingin disetamkan perlu diisi pada Borang Permohonan Penyeteman Individu STAMPS sebelum hadir ke kaunter duti setem LHDNM untuk proses taksiran dan bayaran duti setem. Jenis dokumen atau perjanjian yang boleh dimohon melalui STAMPS Individu adalah seperti berikut:


JENIS PENYETEMAN	KETERANGAN
SekuritiSewa/ PajakanPenyeteman AmSelain Pindah Milik Tanah, Saham, Perniagaan	Individu membuat kemasukkan maklumat perjanjian ke dalam STAMPS sebelum hadir ke kaunter.

Borang Permohonan Penyeteman Individu yang telah lengkap diisi akan disimpan di dalam STAMPS sebagai deraf dan pencoona boleh hadir ke mana-mana kaunter duti setem LHDNM dengan membuat temuani






Sijil Setem akan dikeluarkan setelah bayaran diterima oleh pegawai LHDNM.




Pengguna Individu masih perlu hadir ke kaunter duti setem setelah mengisi maklumat di STAMPS.

2021 DEVOPS REPORT  
 22% of DevOps leaders sacrifice quality to innovate faster.

  
 KERAJAAN MALAYSIA

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA  
 MENARA HASIL  
 PERSIARAN RIMBA PERMAI  
 CYBER 8, 63000 CYBERJAYA  
 SELANGOR DARUL EHSAN

  
 LHDN  
 MALAYSIA

### SIJIL SETEM

#### STAMP CERTIFICATE

(Sila lekatkan sijil setem ini ke atas surat cara sebagai bukti penyeteraman)  
 Please attach this stamp certificate to the instrument as evidence of stamping

**Cara Bayaran / Payment Method** [redacted]

**No. Adjudikasi / Adjudication No.** [redacted]

**Jenis Surat Cara / Type Of Instrument** [redacted]

**Tarikh Surat Cara / Date Of Instrument** [redacted]

**Balasan / Consideration** [redacted]



**Maklumat Pihak Pertama / Penjual / Pemberi / First Party / Vendor / Transmitter / Assignor** [redacted]

**Maklumat Pihak Kedua / Pembeli / Penerima / Second Party / Buyer / Transferee / Assignee** [redacted]

**Buahan Harta / Suratcara / Property / Instrument Description** [redacted]

Dengan ini disahkan surat cara ini telah disetem dan didaftarkan seperti maklumat di bawah:  
 This is to certify that the instrument is stamped and registered as below:

No. Sijil Setem / Stamp Certificate No.	[redacted]
Tarikh Pendaftaran / Date of Stamping	[redacted]
Duti Setem Dikenakan / Amount of Stamp Duty	[redacted]
Pelesenan / Permit	[redacted]
Petempatan / Jurisdiction	[redacted]
Jumlah Dibayar / Total Amount Paid	[redacted]
Indorsement / Indorsement (If Stamp Duty)	[redacted]

Pemungku Duti Setem

[redacted]

Pengesahan keabsahan Sijil Setem ini boleh dipastikan di stamps.html.gov.my atau melalui aplikasi mobile phone  
 The authenticity of the Stamp Certificate can be verified at stamps.html.gov.my or by mobile app  
 'Isi adalah generasi komputer dan tidak perlu ditandatangani'  
 This is a computer generated printout and no signature is required

— GEMAS/END —



## Pemalsuan Sijil Setem

LHDNM tidak berkompromi dengan isu pemalsuan Sijil Setem dan *scammer* yang cuba memperdaya orang ramai dengan mengemukakan Sijil Setem palsu. Sijil Setem mengandungi ciri-ciri keselamatan tersendiri dan semakan ketulenan boleh dilakukan di Portal STAMPS menerusi pautan <https://stamps.hasil.gov.my/stamps/> dengan memasukkan nombor adjudikasi dan nombor Sijil Setem di ruangan pengesahan ketulenan.

Selain itu, semakan ketulenan juga boleh dibuat ke atas kod QR yang terdapat dalam Sijil Setem melalui imbasan kod telefon pintar daripada Aplikasi Semakan Ketulenan Sijil yang boleh dimuat turun di peranti Android atau iOS. Jika tiada data dipaparkan semasa semakan dibuat, Sijil Setem tersebut berkemungkinan bukan sijil yang dikeluarkan oleh LHDNM disebabkan tiada rekod yang disimpan di Pangkalan Data STAMPS.

## STAMPS Menjamin Urusan Penyeteman Tidak Terjejas Di Musim Pandemi

Selain memudahkan urusan dan mengurangkan pertemuan secara bersemuka antara orang ramai dan petugas kaunter duti setem sewaktu pandemik COVID-19 ini, perkhidmatan dalam talian STAMPS memastikan pemrosesan permohonan penyeteman tidak terjejas kerana Ejen mempunyai kemudahan membuat permohonan dan bayaran duti setem secara dalam talian sepenuhnya.

Penggunaan STAMPS sebagai sistem tunggal untuk permohonan dan bayaran duti setem adalah langkah ke hadapan LHDNM bagi merealisasikan hasrat kerajaan ke arah pendigitalan Malaysia. Di masa hadapan, LHDNM berhasrat untuk meneroka proses penyeteman secara digital sepenuhnya bagi memenuhi hasrat Kerajaan dan permintaan pengguna yang sedang beralih kepada transaksi digital dalam semua urusan perniagaan.

*Nota: Artikel ini disumbangkan oleh Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia, Jabatan Khidmat Korporat, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.*

